

14/07/2001

Bahasa Inggeris alat kuasai pelbagai ilmu

SESIAPA saja yang menghayati ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang selalu menekankan kepentingan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris akan mendapati pernyataannya benar. Perdana Menteri mahu supaya orang Melayu menjadi maju melalui penguasaan bahasa Inggeris.

Ini tidak boleh ditolak. Melalui penguasaan bahasa Inggeris, orang boleh maju ke depan sementara orang Melayu yang tidak menguasainya akan berasa terkebelakang dan rendah diri. Akhirnya, ia boleh membabitkan maruah bangsa.

Hal ini dialami beberapa teman penulis. Mereka sungguh kesal dengan sikap pejuang bahasa Melayu yang mengatakan bahawa dengan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris, orang Melayu akan lupa bangsa dan hilang jati dirinya.

"Orang seperti ini hidup dalam alam ilusi dan ideal. Mereka tidak menyedari bahawa dalam banyak hal, penguasaan bahasa Inggeris membabitkan soalan peningkatan martabat bangsa dari kaca mata orang lain. Mereka sibuk memperjuangkan soalan kedaulatan bahasa Melayu. Pada hal bahasa Melayu sudah didaulatkan sebagai bahasa kebangsaan," kata seorang daripada mereka.

Sahabat penulis ini mewakili generasi dua aliran Melayu dan Inggeris dalam tahun 1960-an. Mereka berasa begitu terhina kerana belajar dalam aliran Melayu.

Apabila mendengar rakan mereka dari aliran Inggeris bercakap bahasa Inggeris, mulut mereka melopong. Diri rasa terhina.

Sahabat penulis ini pernah memasuki peperiksaan remove class dalam darjah lima (peperiksaan ini untuk melayakkan mereka memasuki aliran Inggeris) pada tahun 1961. Dia gagal. Rakannya pula berjaya memasuki tingkatan satu aliran Inggeris (1963).

Orientasi di sekolah menengah aliran Inggeris ketika itu cukup berbeza daripada orientasi pelajar Melayu aliran Melayu. Mereka daripada aliran Inggeris kelihatan lebih yakin kepada diri sendiri. Penampilan mereka kelihatan lebih positif dan serius daripada penampilan aliran Melayu.

Hal ini demikian kerana mereka dapat bergaul dengan pelajar Cina dan India. Mereka sering berbual dalam bahasa Inggeris. Mereka dihormati pelajar Cina dan India.

Sedangkan pelajar Melayu aliran Melayu hanya berkawan dengan bangsanya. Bahasa percakapannya pun bahasa pasar. Jadi, pelajar Melayu ketika itu tidak ke mana. Bahasa Inggerisnya buruk, bahasa Melayunya pun bahasa pasar.

Sangat kurang motivasi terhadap mempelajari bahasa Inggeris di sekolah aliran Melayu ketika itu. Tiada guru yang menyebut kepentingan bahasa Inggeris kerana kebanyakan guru bahasa Melayu ketika itu adalah lulusan LI (Language Institute), kini Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Paling baik markah bahasa Inggeris untuk pelajar Melayu ketika itu (1960-an) ialah P7. Pelajar Melayu yang lain kebanyakannya gagal. Mereka tidak berasa apa-apa kerana kegagalan bahasa Inggeris. Sebabnya orientasi ke arah penguasaan bahasa Inggeris sangat kurang di sekolah aliran Melayu.

Sementara itu, kawan-kawannya dari aliran Inggeris terus maju dalam kerja. Mereka bekerja di bank dan syarikat swasta sedangkan pelajar Melayu hanya menjadi polis.

Untuk memasuki firma dan syarikat swasta, bahasa Inggeris diperlukan.

Jadi, sudah ada identiti: hampir semua pelajar Melayu aliran Melayu bekerja dengan kerajaan.

Kawan-kawannya bekerja di sektor swasta dengan meraih gaji lebih baik. Sahabat penulis ini cukup positif terhadap bahasa Inggeris. Dia belajar bahasa Inggeris secara bersendirian dengan mengikuti kelas melalui sekolah pos di luar negara.

Akhirnya, oleh sebab minatnya yang besar, dia membaca buku bahasa Inggeris. Kini dia boleh berbicara dengan fasih dan menulis bahasa Inggeris dengan baik. Sikap positifnya terhadap bahasa Inggeris menyebabkan dia boleh menguasainya.

Memang sikap mental yang betul diperlukan untuk mempelajari bahasa apa sekali pun. Sikap mental yang tidak betul yang menyebabkan orang Melayu tertipu dengan khayalan sendiri.

Bahasa Melayu harus dipelajari dengan cara yang betul dan diujarkan secara berkesan. Kemahiran berbahasa Melayu seperti kemahiran menulis juga harus dikuasai.

Begitulah apabila kita belajar bahasa Inggeris bukan bererti kita mengetepikan bahasa Melayu. Kita juga tidak akan hilang jati diri sebagai orang Melayu apabila kita belajar bahasa Inggeris.

Sangkaan palsu pejuang nasionalisme Melayu memang begitu. Sangkaan palsu ini demikian rupa sehingga menyebabkan kita akan kehilangan kedaulatan Melayu jika kita belajar bahasa Inggeris.

Keadaan dalam masyarakat tidak demikian. Pejuang nasionalisme Melayu jangan sampai menghina kebolehan otak pelajar Melayu. Mereka memiliki dua belah otak (otak kanan dan otak kiri) dilengkapi dengan 1 trilion sel saraf. Kebolehan otak Melayu boleh bertanding dengan otak bangsa lain di dunia ini.

Kemampuan otak pelajar Melayu mempelajari pelbagai bahasa jangan kita nafikan. Apa lagi dengan adanya pelbagai kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif terhadap pelajaran.

Pelajar Melayu akan lebih kreatif lagi jika mereka mempelajari bahasa asing. Hal ini diakui oleh beberapa sahabat penulis yang mempelajari bahasa Arab, Jepun dan Sepanyol. Mereka mengakui terdedah kepada bidang ilmu baru ketika mempelajari bahasa berkenaan.

Muhammad Azli Syukri, pelajar bahasa Sepanyol tahun akhir Universiti Malaya, menyebut bahawa mempelajari bahasa Sepanyol suatu kelebihan kepada pelajar Melayu, khususnya dalam era globalisasi, kerana bahasa Sepanyol adalah bahasa ketiga terpenting di dunia.

Begitulah di tanah air kita, pelajar Melayu mula tertarik mempelajari bahasa asing, terutama bahasa Inggeris, Perancis, Arab, dan Sepanyol. Pada mereka, dengan menguasai bahasa itu, dapatlah mereka membaca buku ilmu dan sastera dalam bahasa asal. Dengan itu, mereka boleh mempertajam pemahaman budaya terhadap karya bangsa yang terbesar di dunia.

Hakikat ini harus diakui. Bagi mereka yang gemar membaca bahan ilmu, tentulah buku Inggeris yang menjadi pilihan. Dalam bidang pemikiran, misalnya, sedikit sekali, malah hampir tiada buku tentang ilmu dan pemikiran dalam bahasa Melayu, terutama yang mutakhir.

Mana ada ilmu dalam bidang pemikiran lateral atau pemikiran keseluruhan otak yang ditulis secara tuntas dalam bahasa Melayu. Yang ada hanya buku pengenalan awal dalam bidang ilmu yang lain. Buku ilmu dalam bahasa Inggerislah yang harus menjadi keutamaan kepada mereka yang ingin menjadi ilmuwan dan intelektual.

Susah mempercayai bahawa terjemahan buku ilmu dapat memberi sumbangan kepada pengembangan ilmu di tanah air. Ada kalanya buku terjemahan lebih sukar difahami daripada buku asal. Apa lagi kalau terjemahannya buruk dengan bahasanya dan tatabahasanya sukar difahami.

Sesiapa yang menguasai bahasa Inggeris, terutama yang menggemari ilmu

dan pembacaan, akan mengakui bahawa bahasa Inggeris adalah sumber ilmu yang utama kerana sumber falsafah ilmu pengetahuan datangnya dalam bahasa Inggeris dibandingkan dalam bahasa Melayu.

Sebabnya dalam bahasa Inggeris lahir banyak pencipta ilmu yang terdiri daripada sarjana dalam pelbagai bidang. Mereka menulis hal-hal ilmu tanpa hentinya.

Pada peringkat lain, mereka bersedia berdebat tentang hal-hal ilmu. Debat sekarang berlangsung dalam bidang ilmu chaos, complexity dan bidang ilmu secara terpadu yang disebut simbiosis dan consilience yang diperkenalkan oleh Prof Michael Waldrop, Prof Khisko Kurokawa, Prof Edmund O Wilson dan ramai lagi sarjana ilmu. Debat ilmu yang berterusan ini tidak mungkin kita ketahui kalau buku dalam bahasa Inggeris tidak kita kaji.

Debat ilmu yang berlangsung dalam buku bahasa Inggeris memungkinkan pengembangan ilmu selanjutnya. Hal ini tidak terjadi dalam pengembangan ilmu bahasa Melayu kerana banyak buku yang ditulis oleh sarjana pelbagai bidang hanyalah pada peringkat pengenalan.

Begitulah dalam keadaan sekarang, mahu tidak mahu, pelajar Melayu harus belajar dan menguasai bahasa Inggeris kalau mereka tidak mahu ketinggalan zaman.

Pelajar Melayu jangan terpengaruh dengan pemikiran pejuang bahasa yang sebenarnya tahu tentang kepentingan bahasa Inggeris tetapi tidak mahu mengakuinya kerana terpengaruh dengan perjuangan nasionalisme bahasa Melayu yang sempit yang banyak merugikan masa depan pelajar Melayu.

(END)